

21 FEB 2003

NAM-Pakistan (Isu)/I

TANGANI ISU YANG MENJEJASKAN NAM SECARA BERTERUSAN, KATA PAKISTAN

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) perlu cuba menangani isu-isu yang menjejaskan negara-negara anggota secara berterusan, kata Menteri Luar Pakistan Mian Khurshid Mehmud Kasuri hari ini.

Beliau berkata sekiranya isu-isu berkenaan ditangani hanya "sekali setiap tiga tahun", ia hanya memberikan publisiti kepada pemimpin-pemimpin dan tidak akan mengubah nasib rakyat.

"Sekiranya anda mahu mengubah nasib rakyat, anda perlu menangani isu-isu berkenaan secara serius. Jadi, sekiranya NAM mahu mendapat perhatian serius, ia perlu menyelesaikan isu-isu relevan," katanya dalam satu temubual eksklusif dengan Bernama sebelum mesyuarat peringkat menteri NAM esok.

Sidang Kemuncak NAM ke-13 bermula di ibu negara Malaysia semalam dengan mesyuarat pegawai-pegawai kanan. Sidang Kemuncak sebenar akan berlangsung pada Isnin dan Selasa.

Mehmud Kasuri berkata isu-isu itu termasuk membasmi kemiskinan di Dunia Ketiga, terutamanya di Asia Selatan, memperbaiki tahap sosio-ekonomi dan memperbaiki syarat perdagangan yang lebih menguntungkan negara maju.

"Semua ini mudah diperkatakan tetapi sukar dilakukan, sama seperti slogan. Tetapi bagi membolehkan slogan itu menjadi kenyataan, anda perlukan kumpulan orang yang berdedikasi, dengan harapan mereka dibekalkan dengan mekanisme yang diperlukan, isu-isu berkenaan akan berjaya ditangani," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau menggesa Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus berkongsi kebijaksanaan beliau dengan negara-negara membangun lain mengenai bagaimana untuk memajukan negara masing-masing.

Katanya oleh kerana Dr Mahathir begitu lantang dan terbukti betul dalam memperjuangkan isu-isu antarabangsa, negara-negara membangun berharap beliau akan berjaya menerajui NAM ke arah kecemerlangan di masa depan.

-- BERNAMA

SR MAM RHM